

16 JUL 1996

Muhyiddin-Akademi

AKADEMI UMNO BUKAN UNTUK LATIH KADER, KATA MUHYIDDIN

BANGI, 16 Julai (Bernama) -- Penubuhan akademi kepimpinan Umno bukan bertujuan mewujudkan lapisan kader dalam parti, sebaliknya ia bagi membentuk budaya politik sihat di kalangan anggotanya, kata Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin, hari ini.

Beliau berkata program latihan akademi itu akan ditumpukan kepada pembentukan semangat dan budaya politik di kalangan pemimpin pelbagai peringkat selaras dengan dasar perjuangan Umno.

"Ia (akademi) bukan untuk membentuk lapisan kader dalam Umno kerana Umno bukan sebuah pertubuhan politik yang menggunakan sistem pengkaderan tetapi meliputi kumpulan yang lebih luas," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Kepimpinan Politik Malaysia Peringkat Kebangsaan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini.

Muhyiddin, yang juga Menteri Belia dan Sukan, berkata kertas kerja mengenai penubuhan akademi itu telah diserahkan kepada Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Muhyiddin, yang ditugaskan merangka program latihan dan modul pembentukan akademi itu, berkata akademi itu akan ditadbir oleh lembaga pengurusan yang menerima arahan dan nasihat daripada Majlis Tertinggi parti serta dipengerusikan oleh Dr Mahathir.

Beliau berkata program latihan akademi itu berbeza mengikut tahap dan latar belakang pendidikan seseorang anggota dalam parti.

"Saya telah menyiapkan rangka, modul dan program latihan mengikut tahap. Kalau orang baru masuk program asas yang disediakan adalah seperti sejarah perjuangan parti, budaya politik Umno, hubungan politik antara kaum, motivasi dan pengurusan," katanya.

Katanya beliau kini menunggu kelulusan Presiden parti sebelum meneruskan kajian mengenai implikasi kos, lokasi akademi, tenaga pengajar dan keupayaan menguruskan program latihan secara berterusan.

Terdahulu itu, dalam ucapannya Muhyiddin berkata, pemimpin lapisan yang bersifat sederhana perlu diwujudkan bagi menjamin kestabilan politik negara pada masa depan.

Antara cabaran yang dihadapi pemimpin ialah untuk mengimbangkan perpaduan kaum melalui pembahagian ekonomi secara adil bagi mengekalkan kemajuan negara.

Seminar dua hari yang dianjurkan Jabatan Sains Politik dan Institut Kajian Dasar, UKM bertema "Kepimpinan Politik" sempena Sambutan 20 tahun penubuhan jabatan itu.

-- BERNAMA

RAZ AKD